

# Agama Itu Nasihat

## Sepintas Lalu Dalam Perkara-perkara Yang Mengenai Agama

Mulai dari keluaran ini kita akan mengadakan ruangan khas dalam perkara-perkara yang mengenai dengan hal yang bersangkutan dengan agama sama ada hal ehwal dunia atau pun hal ehwal yang bersabit dengan ibadat yang akan membawa kesejahteraan kita di dunia dan di akhirat.

Berhubung dengan kita telah hampir menghadap masa puasa maka bagi permulaan makalah ini kita menulis dengan panjang sedikit hal ehwal yang berkenaan dengan puasa yang patut kita perhati dan kita pertimbangkan dengan saksama akan ertinya dan akan perkara-perkara yang mengenai diri kita dalam menunaikannya.

Puasa itu diwajibkan oleh Allah Subhānah wa Taāla ke atas muslimin pada tahun yang kedua hijrah yang di jalankan pada tiap-tiap tahun sebulan pada tiap-tiap bulan Ramadhan sebagaimana yang tersebut di dalam al-Quran surat al-Baqarah ayat 184 yang maksudnya : “Hai orang-orang yang beriman diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana yang diwajibkan di atas orang-orang sebelum kamu supaya kamu berbakti” dengan berpuasa itu menyuruh supaya kita berbakti yang mana yang telah kita maklum ialah dengan berperaturan menjalankan perintah Allah – daripada perintah yang kecil hingga kepada perintah yang besar yang disuruh kita menjauhi larangan-Nya – inilah dia sebenar-benar maksud puasa itu seterusnya ayat itu memberi petunjuk sebagaimana lanjutnya ayat itu yang menyatakan bahawa kewajipan puasa itu mengenai semua golongan lelaki perempuan, orang merdeka atau hamba dengan pengecualiannya orang sakit, musafir, orang yang menyusui anaknya, perempuan hamil, haid, orang yang puasa tetapi bersusah payah boleh tidak berpuasa tetapi hendaklah mengqada'i di dalam masa kelapangan yang lain dan jika tidak berupaya juga hendaklah membayar fidyah iaitu memberi makan seorang miskin; dan di galakkan juga kepada orang-orang yang lain menderma

lebih banyak kerana yang demikian berfaedah bagi dirinya sendiri.

Ketibaan Ramadhan itu bagi kaum muslimin seluruh dunia umumnya tidaklah sebagai suatu kedatangan bulan yang akan menjadikan penderitaan padanya tetapi adalah ketibaan bulan yang mulia itu disambut bahkan sentiasa disambut dengan sukacita bahkan bergembira di dalam mana mereka berasa syukur dan sukacita dapat mereka menunaikan kewajipan mereka mengikut perintah-perintah Tuhan untuk membersihkan jiwa dan rohani mereka. Yang demikian adalah menunjukkan bahawa kaum muslimin masih patuh, taat, tunduk dan setia menerima dan menjalankan suruhan agamanya sekalipun di dalam suruhan dan perintahan itu mengandungi pengorbanan yang sangat besar yakni menahan kehendak nafsu yang kebanyakannya mengajak kepada kejahatan dan kemungkar.

Cubalah perhati keadaan dunia sekarang ini. Kita melihat kekusutan, kekacauan, huru hara dan persengketaan sentiasa berlaku – kalau diselidiki sebab-sebabnya maka tidak lain terbitnya daripada sebab yang terbesar ialah manusia tidak dapat menahan hawa nafsunya, hawa nafsu yang mengajak dan mendorong mereka itu supaya melanggar batas-batas yang di tentukan

Tuhan dan yang dibuat oleh manusia sendiri. Batas dan aturan yang dibuat oleh manusia kalau dirasa oleh hawa kurang nafsunya – dilanggar dengan tidak merasa berdosa walau sedikit pun kepada perikemanusiaan dan kesopanan – pelanggaran dan kelakuan yang demikian itu kerap kali merampas dan memperkuasa hak yang lemah daripadanya.

Di dalam puasa itu umat Islam dilatih, dididik dan diuji bagaimana ia harus kuat menahan kehendak hawa nafsunya sekalipun atas barang dan perbuatan yang halal serta baik – apa lagi ke atas perkara-perkara yang ditegah atau jahat. Kalau kita telah dilatih menahan diri dan menggenggel nafsu kepada barang yang halal, maka sudah tentu akan mudah kita menahan nafsu kepada barang-barang yang ditegah; dan dengan faham inilah puasa itu dikatakan pensuci badan, sebahagian daripada sabar sebagaimana yang di sebut oleh hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang maksudnya : “Tiap-tiap suatu itu mempunyai pensuci, pensuci badan itu ialah puasa dan puasa itu setengah daripada sabar.”

Dengan keterangan-keterangan ini nyata bahawa puasa itu bukan hanya semata-mata menahan dahaga dan lapar pada siang hari pada hal perbuatan dan perkataan yang curang di lakukannya – perbuatan yang sedemikian ini seolah-olah merobohkan bangunan yang dibinanya oleh kerana ia telah menggugurkan sendi-sendi atau asas-asas puasa itu. Dengan itu maka tidak akan didapatnya di dalam puasa itu selain daripada lapar dan dahaga sebagaimana yang tersebut di dalam hadis yang maksudnya : *“barang siapa tidak meninggalkan perkataan dan perbuatan yang curang maka tidaklah Allah perlu kepada lapar dan hausnya.”*

Di sini terang menunjukkan bahawa hendaklah kita sebenar-benar puasa iaitu bukannya dengan menahan lapar dan dahaga sahaja tetapi hendaklah kita berupaya menahan diri daripada melakukan semua perbuatan yang ditegah, mengasih dan mungkar daripada yang sebesar-sebesar kepada yang sekecil-kecilnya. Demikian itulah baharu ada erti dan manfaat puasa bagi kaum muslimin.

Selain daripada itu, kita di tuntutan membanyakkan amal

kebajikan baik untuk diri sendiri atau untuk masyarakat.

Bagi diri sendiri ialah seperti melakukan ibadat pada malam dan ibadat-ibadat yang tertentu di dalam bulan yang mulia itu dan bagi masyarakat ialah bermurah hati bagi kebajikan umum iaitu dengan mendermakan sebahagian hartanya kepada kebajikan am. Bersedekah kepada orang-orang yang berhajat terutamanya kepada fakir dan miskin – semuanya ini dilakukan mengikut contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah dengan ikhlas pada bulan Ramadhan yang mulia itu.

Kalau kita perhatikan pula keadaan-keadaan di sekeliling kita dan keadaan-keadaan pancaroba yang ada di hadapan mata kita dan kita melihat pula bagaimana maraknya kerosakkan akhlak di dalam lingkungan kita maka inilah satu jalan yakni dengan berpuasa itu dapat mereka menjauhkan segala-galanya dan mudah mudahan dengan puasa sebulan itu dapat kita mengutamakan batin kita. Mengutamakan keyakinan kita dan kepercayaan kita kepada petunjuk-petunjuk yang disampaikan oleh Rasulullah *Ṣallā Allāh 'alaihi wa Sallām* dan jikalau batin kita kuat di sinari oleh petunjuk itu maka tidak ada satu kekuasaan di dalam dunia ini yang akan dapat menakluknya. Yang akan dapat mematahkannya pula pun di ugut dengan ugutan yang akan membawa maut namun yang ditakutinya tidaklah ada yang lain daripada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dan ia akan redha mengorbankan segala-galanya itu kerana Allah jua.

Kita berharap di dalam puasa yang akan datang ini, kaum muslimin akan memasuki latihan puasa itu di dalam asasnya yang kuat iaitu mengutamakan jiwa dan batin kita bagi menghadapi segala batu ujian sehingga sudah kita menghadapi ujian itu kita keluar daripadanya menjadi suatu bangsa yang terhormat dan mulia yang akan mengibarkan bendera *Lā ilaha illa Allāh*, bendera yang cuba di padamkan oleh seteru-seteru Allah di muka bumi ini – mudah mudahan di dalam bulan yang mulia akan timbul di hadapan kita mereka yang akan (sambungan pada muka 47)